



» *Bukti kesedaran dalam kalangan penuntut untuk memilih wakil terbaik*

Peratusan keluar mengundi meningkat

Oleh Fadzlena Jafar, Mohd Feroz Abu Bakar, Khairina Yassin, Rosniza Mohd Taha dan Basir Zahrom
bhvarsiti@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Jumlah peratusan penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) keluar mengundi dalam Pilihan Raya Kampus (PRK) 2012 kelmarin menunjukkan peningka-

tan ketara di kebanyakan universiti dengan kebanyakannya melebihi 70 peratus.

Keputusan itu secara tidak langsung membuktikan kesedaran dalam kalangan penuntut hari ini terhadap kepentingan untuk memilih wakil yang mampu mewakili kebajikan pelajar, selain tiada kejadian melampaui seperti tahun lalu yang mencemari proses pemilihan berkenaan.

Peningkatan itu juga dikatakan berikutan sistem e-voting yang memudahkan pelajar selain ada

Sistem e-voting memudahkan pelajar

Dari muka 1

pelajar yang ingin menikmati suasana pilihan raya di kampus memandangkan beberapa peristiwa panas yang berlaku tahun lalu.

Universiti Kebangsaan Malaysia antara yang mencatat peningkatan tinggi iaitu sebanyak 26 peratus daripada 50.06 peratus tahun lalu berbanding 76 peratus atau 22,500 pelajar yang keluar mengundi tahun ini.

Di Universiti Malaysia Pahang umpamanya, sebanyak 80.78 peratus atau 6,732 pelajar daripada 8,334 yang layak mengundi keluar

memilih wakil masing-masing berbanding tahun lalu dengan 74 peratus.

Lebih 70 peratus

Universiti Teknologi MARA Shah Alam pula, sebanyak 77.75 peratus atau 24,316 pelajar daripada 31,275 yang layak mengundi keluar turut membuang undi berbanding 75.14 peratus tahun lalu.

Universiti Malaysia Sabah turut mencatat peningkatan peratusan penuntut keluar mengundi iaitu 75 peratus atau 10,861 pelajar daripada 14,480 pelajar berbanding hanya 62.67 peratus tahun lalu.

Di Universiti Teknikal Melaka Malaysia jumlah penuntut yang keluar mengundi tahun ini juga meningkat lebih 2,000 orang seramai 6,432 atau 65.11 peratus berbanding tahun lalu seramai 4,841 (67.92).

Selain itu, antara IPTA yang berjaya mencatat peratusan melebihi 70 peratus ialah Unievrtsiti Putra Malaysia 80.37 peratus pelajar UPM kampus Serdang dan 90 peratus pelajar Kampus Bintulu, Sarawak keluar mengundi keseluruhan 25,006

pelajar, Universiti Utara Malaysia sebanyak 92 peratus, Universiti Teknologi Malaysia seramai 10,527 pelajar atau 83 peratus keluar mengundi dan Universiti Teknikal Tun Hussein Onn Malaysia sebanyak 74.08 peratus atau 10,085 daripada 13,614 pelajar.

USM menurun

Bagaimanapun, di Universiti Sains Malaysia jumlah pelajar yang keluar mengundi turun kira-kira lapan peratus daripada 55 peratus tahun lalu kepada 47.12 peratus atau 7,504 pelajar daripada 15,925 semuanya pada tahun ini.

Ketika ditanya mengenai peratus turun mengundi yang rendah, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr P Sivamurugan berkata, faktor cuaca yang tidak menentu memainkan peranan utama termasuk kuliah, pengangkutan dan banyak faktor yang berkaitan.

"Tetapi, ia tidak bermakna mereka tidak mewakili majoriti dan ia nilai sebenar sokongan kepada barisan yang menang," katanya.

**TETAPI,
IA TIDAK
BERMAKNA
MEREKA
TIDAK
MEWAKILI
MAJORITI
DAN IA NILAI
SEBENAR
SOKONGAN
KEPADА
BARISAN YANG
MENANG"**

Dr P Sivamurugan,
Timbalan Dekan
Pusat Pengajian Sains
Kemasyarakatan USM

PENGARANG URUSAN KUMPULAN NSTP:
Abdul Jalil Hamid

PENGARANG KUMPULAN BH
Datuk Mior Kamarul Shahid

TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BH
Mahfar Ali

PENGARANG EKSEKUTIF RENCANA
Zainor Said

PENGARANG PENDIDIKAN:
Muhy Yusuf Abu Bakar

PENGARANG BERITA PENDIDIKAN:
Fadziana Jafar
Ridzuan Yop

PENOLONG PENGARANG BERITA
PENDIDIKAN (PROJEK):
Zabidi Hitam
Norliza Abdullah
Mohd Feroz Abu Bakar

PENOLONG KETUA PENYUNTING:
Nuraihan Ibrahim

PENYUNTING EKSEKUTIF
Rosdi Ismail

WARTAWAN:
Khairina Yasin, Rosniza Md Taha,
Basir Zahrom

EKSEKUTIF ARTIS:
Ahmad Zulkifli Yahaya,
Mohd AlHakim Ismail

 E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bharian.com.my

Unit Pendidikan BH
Balai Berita, 31 Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-22822323
samb 4771/4772/4780



Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Datuk Dr Fauz Ramli (kanan) beramah mesra dengan calon pemenang tidak rasmi pemilihan MPP Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Rosniza Mohd Taha
roniza@bharan.com.my

Selepas pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2012/2013 selesai, langkah seterusnya adalah penubuhan Kabinet mahasiswa di setiap universiti awam.

Kebanyakan universiti dijadual mengadakan majlis mengangkat sumpah seawal

Membentuk Kabinet pelajar

minggu ini, bergantung kepada perbincangan calon dan kesesuaian masa Naib Canselor masing-masing.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Adnan Hussein, berkata universiti itu akan melangsungkan majlis berkenaan secepat mungkin.

"Kita akan mendapatkan tarikh mengikut kelapangan Naib Canselor, Prof Datuk Omar Osman," katanya di Pulau Pinang.

Dalam pengundian kelmarin, Kumpulan Proaspiras memenangi 40 kerusi di USM dan akan membentuk kepemimpinan MPP.

Diterajui wakil pihak menang

Di Serdang, walaupun Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengisyiharkan keputusan muktamad pengundian Isnin ini, kepemimpinan baru pasti akan diterajui oleh kumpulan Pro-A.

Wakil Pro-A, Khairul Fadzreen Khairuddin, berkata pihaknya berpuas hati dengan kemenangan majoriti 40 daripada 47 kerusi diraih dan tidak akan mengemukakan bantahan.

Namun, mereka terkilan kerana tiada calon Pro-A

keturunan Cina memenangi kerusi umum.

"Sembilan calon Pro-A keturunan Cina bertanding untuk kerusi umum tahun ini tetapi tiada yang terpilih.

"Mereka sedih hingga ada yang menangis. Tetapi, kempen dan proses pemilihan tahun ini berlangsung cukup aman. Kami tiada bantahan," katanya di sini.

FAKTA NOMBOR

40
kerusi

Di USM dan
akan membentuk
kepemimpinan MPP

MPP jadi penghubung

Khairul Fadzreen berkata, kepercayaan diberikan kepada Pro-A meneruskan tradisi ke pemimpinan di UPM perlu dihargai dengan menjaga hubungan baik se-sama pelajar dan pengurusan universiti.

Katanya, kepemimpinan baru MPP akan memainkan peranan sebagai penghubung antara penuntut dengan pengurusan universiti dalam menyelesaikan sebarang isu.

"Aspirasi kita sama dengan aspirasi ibu bapa, universiti dan negara iaitu melahirkan pelajar cemerlang termasuk dalam aspek kepemimpinan.

"Prinsip harus terus dipegang ialah MPP bukan 'tukang' selesai masalah tetapi jambatan antara pengurusan universiti dan pelajar," katanya.